

Anafora dalam Teks Ilmiah: Pendekatan Analisis Kontrastif

Midiyana Mohamad
midiy165@salam.utm.edu.my
Universiti Teknologi MARA

Mohammad Fadzeli Jaafar
fadzeli@edu.ukm.my
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini ditulis berdasarkan kajian tentang aspek rujukan dalam teks akademik. Perbincangan dalam keseluruhan makalah akan memberikan fokus terhadap penggunaan anafora dalam teks akademik berdasarkan teks *Blue Ocean Strategy* (2005) yang diterjemahkan sebagai “Strategi Laut Biru” oleh Yayasan Kajian dan Strategi Melayu. Anafora bermaksud rujukan semula yang bertujuan untuk mengurangkan pengulangan unsur bahasa yang sama dalam sesuatu ayat atau wacana. Fungsi anafora adalah untuk memperlihatkan kesempurnaan makna, kepelbagaiannya gaya dan pertautan idea. Makalah ini secara khusus akan membandingkan penggunaan anafora dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dan penelitian yang khusus tentang anafora dalam kedua-dua bahasa ini akan dapat memperlihatkan bentuk-bentuk anafora yang lazimnya digunakan dalam teks akademik. Unsur anafora dalam teks terjemahan akan dianalisis berdasarkan pendekatan analisis kontrastif. Kajian ini menerapkan model pautan yang telah dicadangkan oleh Halliday (2004). Fokus kajian ialah rujukan personal dan rujukan demonstratif. Kajian ini telah menjelaskan dengan terperinci penggunaan anafora khususnya rujukan personal dan rujukan demonstratif dalam teks akademik yang secara tidak langsung dapat menunjukkan kepentingan hubungan kait sesuatu maklumat sesebuah teks dengan menggunakan anafora. Hal ini penting kerana proses untuk memahami sesuatu teks itu ialah kebolehan seseorang pembaca untuk menghubungkaitkan antara maklumat semasa dengan maklumat yang telah dinyatakan sebelumnya. Berdasarkan analisis kajian, didapati bahawa penggunaan unsur anafora dalam teks bahasa Inggeris dan bahasa Melayu berbeza kerana sesuatu unsur anafora itu tidak semestinya mendapat padanan satu lawan satu antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan anafora tidak semestinya selari antara kedua-dua bahasa kerana setiap bahasa mempunyai sistemnya yang tersendiri.

Kata kunci: anafora; rujukan; teks ilmiah; pertautan idea; analisis kontrastif

ABSTRACT

This paper is written based on a research on references used in an academic text. The discussion in this paper focuses on the use of anaphora in an English academic text, *Blue Ocean Strategy* (2005) and its translation in Malay entitled ‘Strategi Laut Biru’ by *Yayasan Kajian dan Strategi Melayu*. Anaphora is a reference that is used to reduce the repetition of the same language elements in a sentence or discourse. The function of anaphora is to show the perfection in meaning, style diversity and cohesion ideas. This paper specifically focuses on the comparison of anaphora in Malay and English that showed the form of common anaphora use in academic text. Anaphora in the translated text will be analyzed based on the contrastive analysis approach. The study applies the cohesion model proposed by Halliday (2004). There are two focuses in this study, namely personal reference and demonstrative reference. This research has detailed out explanation about the use of personal and

demonstrative reference in academic text to show the importance of anaphora, in order to understand message connection in a text. This is essential because the process of message understanding in a text is related to the ability of how an individual makes connection between current and previous information. The study found that the use of anaphora in English is slightly different when compared to its use in Malay. The findings reveals that it is not compulsory for a one-to-one equivalence in the use of anaphora in English and Malay, and also the use of anaphora is not necessarily parallel between both languages because each language has its own system.

Keywords: anaphora; reference; academic text; cohesion of ideas; contrastive analysis

PENGENALAN

Anafora membawa maksud kata atau frasa yang mengaitkan maklumat baru dengan entiti yang pernah disebut, iaitu anteseden (Radiah Yusof & Noraini Ismail, 2000). Proses yang menghubungkan anafora dengan anteseden disebut sebagai rujukan anafora. Tujuan penggunaannya adalah untuk mengurangkan pengulangan unsur bahasa yang tertentu dalam ayat atau wacana serta mengurangkan jumlah perkataan agar dapat menghasilkan kesempurnaan makna, kepelbagaian gaya dan pertautan idea. Asmah (2005, hlm. 114), menyatakan anafora ialah pengganti yang digunakan sesudah menyebut sesuatu kata atau rangkai kata agar kata atau rangkai kata itu tidak diulang-ulang untuk menghindari kebosanan. Asmah mendapati anafora lebih banyak digunakan berbanding katafora dalam penulisan saintifik¹. Hal ini memberi gambaran bahawa anafora adalah unsur bahasa yang penting dalam karya saintifik. Penelitian yang khusus tentang anafora akan dapat memperlihatkan apakah bentuk anafora yang lazimnya digunakan dalam karya saintifik dan bagaimana unsur ini berfungsi. Makalah ini secara khusus akan membandingkan penggunaan anafora dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris berdasarkan teks asal *Blue Ocean Strategi* oleh W. Chan Kim dan Renee Mauborgne (2005), teks terjemahan yang bertajuk “Strategi Laut Biru” yang telah diterjemahkan oleh Yayasan Kajian dan Strategi Melayu. Menurut Mauborgne (2010) untuk menghasilkan buku tersebut, mereka perlu melakukan penyelidikan akademik untuk mengesahkan semua teori dan pemikiran yang diguna pakai dalam penulisan buku ini dari sudut ilmiah. Mereka juga perlu membuat kajian-kajian kes untuk menerapkannya dan juga menguji keberkesanan teori-teori tersebut. Selain berbentuk ilmiah, *Blue Ocean Strategy* juga dipilih sebagai data kajian kerana prestasinya yang sangat memberangsangkan berdasarkan sumber <http://www.blueoceanstrategy.com>. Buku itu menjadi buku yang terlaris di pasaran antarabangsa. Buku *Blue Ocean Strategy* boleh didapati dalam lebih daripada 40 bahasa dan menjadi salah satu buku dalam kategori buku perniagaan/ekonomi yang terbaik. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kontrastif, iaitu untuk melihat persamaan dan perbezaan penggunaan anafora dalam teks asal dan teks terjemahannya berdasarkan model pautan Halliday dan Hasan (1976).

Hubungan anaforik antara sesuatu bentuk atau struktur bahasa adalah berbeza mengikut bahasa dan juga genre. Menurut McCarthy (1991), bahasa Inggeris mempunyai cara yang berbeza dalam membuat perujukan yang berkaitan dengan anafora dalam sesuatu wacana, misalnya *it*, *this*, dan *that* yang tidak boleh diterjemahkan satu lawan satu ke dalam bahasa lain, walaupun dalam satu bahasa yang lebih kurang sama ataupun bahasa yang serumpun seperti bahasa Jerman, bahasa Perancis dan juga bahasa Sepanyol. Perbezaan antara sistem bahasa tersebut sedikit sebanyak akan menyebabkan kehilangan atau pertambahan maklumat dalam penterjemahan.

¹Kata “saintifik” yang digunakan dalam buku *Bahasa Malaysia Saintifik* tidak terhad kepada pengertian sains (fizik, kimia, matematik, biologi dan sebagainya), tetapi meliputi juga bidang sains sosial. Boleh dikatakan bahawa “saintifik” di sini sama maknanya dengan “akademik”, (Asmah Hj. Omar, 2005).

ANALISIS KAJIAN LEPAS

Kajian berkaitan anafora agak popular dalam kalangan penyelidik Barat misalnya oleh Reinhart (1983); Bosch (1983); Aoun (1985); Cornish (1986, 1999); A. Fox (1993, 1996); Geluykens (1994); Van Hoek (1997); Huang (2000); Barss (2003) dan Safir (2004). Reinhart (1983) misalnya mengkaji anafora pada peringkat ayat dan hubungan anafora dari aspek semantik. Cornish (1986, 1999), meneliti hubungan anafora dan wacana dengan membandingkan antara bahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Huang (2000) pula mengkaji anafora merentasi sempadan linguistik, manakala Geluykens (1994), melihat aspek pragmatik dalam anafora dan Safir (2004) membina teori yang komprehensif dan melihat pendekatan serta peranan anafora dalam sintaksis.

Di Malaysia pula, kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada kohesi dan rujukan yang secara tidak langsung menyentuh tentang anafora, misalnya Sanat (1996), Fook Khoon (1996), Sou Wan (1996), Kalaivani (2004) dan Asmah (2005). Kajian-kajian tersebut melihat hubungan pertautan atau kohesi yang wujud dalam sesuatu teks. Untuk mewujudkan pertautan, terdapat pelbagai sarana kohesif yang terperinci seperti yang dikemukakan oleh Halliday dan Hassan (1976) dalam karya mereka yang berjudul *Cohesion in English*. Mereka telah mengelompokkan sarana-sarana tersebut ke dalam lima kategori iaitu:

- a) pronominal (*kata ganti*);
- b) substisi (*penggantian*);
- c) elipsis;
- d) konjungsi; dan
- e) leksikal

Kebanyakan kajian yang ada di Malaysia, menggunakan pendekatan Halliday dan Hassan (1976) dengan memasukkan semua sarana yang dikemukakan tanpa memfokus secara khusus terhadap aspek anafora, misalnya kajian oleh Asmah (2005) yang mengkaji aspek kohesi dalam akhbar bahasa Melayu. Manakala Fook Khoon (1996) melihat hubungan kohesi dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang dikaitkan dengan aspek terjemahan. Sou Wan, (1996) pula mengkaji rujukan ganti nama dalam teks penulisan pelajar-pelajar pada peringkat sekolah rendah. Kajian-kajian tersebut menggunakan Halliday dan Hasan sebagai pendekatan kajian. Manakala kajian yang dibuat oleh Sanat (1996) iaitu kajian berkenaan tautan dalam rencana pengarang akhbar *Utusan Zaman*. Kajian tersebut merupakan kajian yang mendalam tentang aspek kohesi wacana berita akhbar berbahasa Melayu. Bahan tersebut dianalisis berdasarkan Model Tautan Pindaan (MTP).

Terdapat satu kajian yang dibuat oleh Radiah Yusoff dan Nor ‘Aini Ismail (2000), iaitu berkaitan ‘Anafora dan Katafora’. Anafora dibincangkan dengan memasukkan contoh-contoh aplikasi penggunaannya dalam teks bertulis. Mereka mendapati rujukan anafora ialah rujukan yang menghubungkan anafora dengan praseden² iaitu unsur yang telah disebut. Anafora lebih mudah dikenal pasti dibandingkan dengan praseden kerana terdapatnya maklumat linguistik dan bukan linguistik yang mempengaruhi kejituhan, ketepatan dan kecepatan yang menghubungkan anafora dengan praseden. Lanjutan daripada kajian ini, mereka juga telah membuat kajian berkaitan “Kohesi dalam Wacana Bertulis” (2002), yang memfokus kepada rujukan anafora dengan menggunakan artikel yang dipetik daripada *Majalah Al Islam*. Mereka menyimpulkan bahawa penggunaan anafora sebagai satu daripada kesan istimewa dalam penulisan rencana yang dapat memvariasikan cara penyampaian dan mengurangkan jumlah perkataan yang perlu digunakan, di samping dapat memperlihatkan pertautan antara bahagian-bahagian yang berbeza dalam sesuatu teks. Hal ini menunjukkan kepentingan anafora dalam penulisan.

² Juga merujuk kepada anteseden.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati kebanyakan kajian tidak menyentuh anafora secara khusus atau membandingkan bentuk anafora antara bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu. Antara aspek yang dilihat ialah kohesi dalam akhbar dan hasil karya pelajar, yang hanya menyentuh aspek anafora secara tidak langsung. Kajian tentang alat-alat kohesi dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu seperti yang dibuat oleh Fook Khoon (1996) juga hanya mengaitkan anafora itu secara tidak langsung sebagai satu daripada alat kohesi.

Kajian ini akan memfokuskan penggunaan anafora dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu berdasarkan teks ilmiah. Antara kajian secara kontrastif yang pernah dibuat tentang anafora ialah Fook Khon (1996) yang melihat hubungan kohesi dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang menggunakan pendekatan terjemahan yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Leelany Ayob (2008), telah membuat satu kajian terjemahan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu berkenaan satu daripada jenis anafora, iaitu *Pronoun* (kata ganti nama). Kajiannya hanya tertumpu pada *Pronoun Interplay*, misalnya *I, you, we, us, our*. Oleh itu, kajian aspek anafora dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu khususnya dalam teks ilmiah adalah sangat signifikan kerana tidak banyak kajian yang berkaitan telah dibuat. Satu lagi kajian yang turut membandingkan antara dua bahasa ialah kajian dari luar negara yang dibuat oleh F. Cornish (1986). Kajiannya menjurus kepada rujukan anafora, iaitu “Anaphoric Relations in English and French”. Cornish telah membincangkan rujukan anafora bahasa Inggeris dan bahasa Perancis dengan terperinci.

Persoalan tentang masalah penggunaan anafora untuk mewujudkan pertautan dalam sesuatu wacana penulisan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris menyebabkan kesukaran untuk menghasilkan satu bentuk penulisan teks ilmiah yang berkesan serta mudah difahami oleh para pembaca. Hal ini kerana salah satu aspek yang terlibat dalam usaha untuk menghubungkaitkan maklumat-maklumat dalam penulisan ilmiah ialah rujukan anafora. Oleh itu terdapat keperluan untuk mengkaji aspek rujukan itu dengan lebih terperinci. Aspek rujukan dalam makalah ini akan diteliti berdasarkan analisis kontrastif kerana menurut Asmah Haji Omar (2009), genre akademik dalam bahasa Melayu merupakan pindahan genre akademik daripada bahasa Inggeris, oleh itu perbandingan akan dibuat untuk melihat persamaan dan perbezaan aspek rujukan yang digunakan dalam kedua-dua bahasa tersebut dengan menggunakan teks ilmiah yang terpilih. Manakala Menurut J. Pretorius (2005):

“An important component of the comprehension process is the reader's ability to integrate current information with information mentioned earlier in a text. One aspect of this integration process involves anaphoric resolution”.

Pernyataan di atas menjelaskan bahawa proses untuk memahami sesuatu teks itu ialah kebolehan seseorang pembaca untuk menghubungkaitkan antara maklumat semasa dengan maklumat yang telah dinyatakan sebelumnya. Salah satu daripada aspek yang terlibat dalam usaha untuk menghubungkaitkan maklumat-maklumat tersebut ialah rujukan anafora.

ANALISIS KONTRASTIF

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan analisis kontrastif untuk mengenal pasti dan menganalisis bentuk rujukan yang digunakan dalam teks sumber bahasa Inggeris dan padanan terjemahannya dalam bahasa Melayu. Analisis kontrastif ialah perbandingan dua bahasa atau lebih untuk mengenal pasti perbezaan dan persamaan aspek linguistik tertentu antara bahasa-bahasa yang terlibat. Menurut Johanson dan Hofland (1994, hlm. 25), perbandingan sesuatu bahasa itu sangat penting sama ada dari perspektif teori maupun aplikasinya. Perbandingan ini akan memaparkan perkara-perkara yang umum dan khusus dalam sesuatu bahasa. Maklumat itu penting untuk pemahaman sesuatu bahasa itu dan juga penting untuk kajian bahasa-bahasa yang terlibat dalam proses perbandingan itu. Perkara-perkara umum ini bermaksud ciri-ciri bahasa yang boleh dimiliki oleh semua bahasa yang

menunjukkan wujudnya persamaan dalam bahasa-bahasa itu, manakala perkara-perkara khusus ialah ciri-ciri bahasa yang menyebabkan sesuatu bahasa itu berbeza daripada satu bahasa yang lain. Satu versi kukuh berkaitan analisis kontrastif mendakwa bahawa perbezaan struktur antara dua bahasa, iaitu struktur bahasa bagi L1 dan L2, memberi keputusan pemindahan yang negatif disebabkan oleh pemindahan kebiasaan yang lama kepada satu kebiasaan yang baru. Walau bagaimanapun, versi analisis kontrastif ini hanya ramalan secara semula jadi dan tidak selalunya benar. Hal ini kerana kesilapan yang dilakukan oleh pelajar memberikan satu wawasan yang lebih baik dalam proses pembelajaran bahasa (Khazriyati, Tan & Marlyna, 2006).

Menurut Fook Khoon (1996), istilah **analisis kontrastif** pertama kali digunakan oleh Benjamin Lee Whorf dalam artikelnya yang bertajuk '*Language and Logic*' (1941). Empat tahun kemudian Charles Fries menerbitkan bukunya yang bertajuk '*Teaching & Learning English As a Foreign Language*' (1945). Seterusnya pada tahun 1957 pula, Robert Lado telah menulis sebuah buku yang bertajuk '*Linguistic Across Culture*' yang memainkan peranan penting dan menjadi asas dalam perkembangan bidang analisis kontrastif. Mereka juga telah menjelaskan bahawa kajian kontrastif amat diperlukan dalam pengajaran bahasa. Seperti yang dinyatakan oleh Sharwood-Smith (1981, hlm. 13) dalam Quah Chiew Kin (1998) bahawa analisis kontrastif boleh dilihat berdasarkan dua sudut yang berbeza, iaitu daripada perspektif linguistik dan perspektif pengajaran bahasa. Kedua-duanya saling bergantung antara satu sama lain.

Kajian berkaitan analisis kontrastif biasanya tidak bergantung kepada sebarang model linguistik tertentu asalkan dua bahasa yang dikaji itu menggunakan kerangka teori yang sama. Hal ini kerana menurut Jacek Fisiak (1981, hlm. 1), kajian analisis kontrastif ialah subdisiplin linguistik yang mengkaji dua atau lebih bahasa untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara bahasa-bahasa tersebut. Manakala James (1980, hlm. 3) pula menyatakan bahawa analisis kontrastif ialah satu kegiatan linguistik yang bertujuan untuk menjalankan kegiatan kontrastif antara dua jenis Bahasa, dengan andaian bahawa bahasa boleh dibandingkan. Pada asasnya analisis kontrastif boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu analisis secara gramatikal atau struktural, analisis secara sintaksis dan analisis berdasarkan aspek pragmatik. Kajian ini khususnya akan memberikan fokus terhadap penelitian tentang analisis kontrastif berdasarkan analisis struktural seperti yang ditetapkan dalam prosedur analisis kontrastif yang dinyatakan oleh Lado (1957) iaitu membandingkan deskripsi dua bahasa yang terlibat. Berdasarkan kajian ini unsur yang akan dibandingkan ialah unsur anafora dalam teks ilmiah. Halliday (1965), pernah mencadangkan yang penetapan untuk kebolehbandingan sesuatu analisis struktur dan unsur-unsur linguistik mestilah dua sistem yang sememangnya setara untuk dibandingkan. Perbandingan tersebut akan melibatkan struktur dalam kedua-dua sistem bahasa itu, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

MODEL KAJIAN

Anafora penting dalam pembinaan sesuatu teks bagi memperlihatkan pautan dan keteraturan fikiran. Anafora juga berguna untuk menunjukkan bahawa sesuatu teks itu bukan sahaja bergantung pada fakta yang disajikan tetapi juga kepada aspek lain seperti susunan dengan aturan yang padu hingga menghasilkan satu penulisan yang baik. Kajian ini menerapkan model pautan yang telah dicadangkan oleh Halliday (2004) yang mengatakan bahawa rujukan merupakan salah satu unsur tautan yang utama. Anafora merupakan salah satu unsur rujukan. Seperti yang telah dinyatakan dalam Halliday dan Hassan (1976, hlm. 33), anafora ialah satu daripada rujukan endofora yang menjadi alat kohesi untuk mewujudkan tautan atau kohesi di dalam teks, iaitu dengan cara merujuk kembali maklumat yang telah disebut sebelumnya. Item rujukan boleh merupakan rujukan endofora (rujukan textual) dan juga rujukan eksosfora

(rujukan situasi). Tautan rujukan dalam model Halliday dan Hasan, hanya bersifat endofora, iaitu anafora dan katafora. Endofora atau rujukan tekstual merupakan suatu unsur yang boleh merujuk kepada sesuatu pernyataan yang telah dijelaskan dalam teks. Hal ini bermakna tautan rujukan oleh Halliday itu hanya bersifat rujukan tekstual, iaitu rujukan dalam teks atau menurut Mona Baker (1992, hlm. 181) rujukan yang digunakan dalam Halliday merupakan rujukan yang khususnya untuk menunjukkan perkaitan antara dua pernyataan linguistik yang digunakan dalam sesuatu teks. Hal ini memerlukan pembaca untuk mengenal pasti sesuatu identiti yang dibincangkan dengan merujuk kepada konteks terdekat (*immediate context*).

Menurut Mohamad Shahidan (2005), untuk membentuk pertautan, terdapat beberapa cara yang boleh dilakukan, misalnya dengan mengulangi perkataan-perkataan yang penting dalam sesebuah penulisan. Terhasilnya pautan antara ayat dengan ayat dan perenggan dengan perenggan dalam sesebuah penulisan akan menjadikan ayat dan perenggan bergerak lancar. Oleh itu tiada idea atau fikiran yang tertinggal kerana susunan dan kesatuan telah tersusun rapi. Antara penghubung yang sering digunakan untuk mewujudkan pertautan dalam ayat atau perenggan ialah anafora yang bermaksud hubungan antara kata ganti nama dalam sesuatu ayat yang sama atau ayat sebelumnya. Kata yang menjadi penghubung itu dikatakan ada hubungan anafora. Halliday dan Hasan (1976) mengatakan rujukan anafora merupakan satu hubungan semantik yang boleh dibahagi kepada rujukan personal (kata ganti nama, kata penentu), rujukan demonstratif (kata penentu, adverba), dan rujukan perbandingan (adjektif, adverba).

Tumpuan kajian ini ialah anafora yang merujuk kepada rujukan personal (kata ganti nama) dan rujukan demonstratif (kata penentu). Rujukan personal atau diri ialah rujukan dengan menggunakan kata ganti nama diri, milik dan penentu milik terhadap sesuatu dengan menentukan fungsinya atau peranannya dalam situasi penulisan dan pertuturan. Sistem rujukan ini dikenali sebagai diri atau orang. Menurut Halliday (2004, hlm. 554) dalam rujukan personal ini kategori yang merujuk kepada orang digunakan dalam membuat rujukan kembali. Kebanyakan rujukan anafora biasanya terdiri daripada kata ganti nama atau kata penentu milik. Contoh anafora rujukan personal ialah *I, me, you, we, us, him, mine, his, they* dan *their*.

Rujukan demonstratif merupakan satu lagi item yang berkait dengan rujukan bersama yang dinyatakan di atas selain rujukan personal, dan digunakan dengan strategi yang berbeza. Rujukan demonstratif pada dasarnya ialah satu bentuk petunjuk lisan. Penutur mengenal pasti rujukan tersebut berdasarkan skala yang terdekat. Demonstratif keadaan (adverba) contohnya *here, there, now and then* merujuk kepada lokasi sesuatu proses yang menunjukkan ruang atau masa yang biasanya berlaku secara langsung dan bukannya melalui lokasi seseorang atau sesuatu objek yang terlibat dalam proses tersebut. Rujukan demonstratif yang lain ialah *this, these, that* dan *those*.

TEKS KAJIAN

Makalah ini mengkaji penggunaan anafora dalam teks *Blue Ocean Strategy* yang diterjemahkan menjadi “Strategi Laut Biru”. Buku ini bertujuan untuk menjadi agen penggerak dalam pembinaan strategi yang bijak agar kekal cemerlang yang akan memberi kesan positif bagi sesebuah syarikat dengan cara mewujudkan Laut Biru. Buku ini mencabar sesebuah syarikat untuk keluar daripada Laut Merah yang penuh persaingan dengan mewujudkan ruang pasaran yang tidak direbut yang menjadikan persaingan tidak lagi relevan. Buku ini kemudiannya menunjukkan cara untuk mencapai sesuatu matlamat itu kepada mereka. Buku ini ditulis berdasarkan kajian yang dibuat oleh Profesor W.Chan Kim dan Renee Mauborgne. Kandungan buku ini berdasarkan penyelidikan lebih daripada 15 tahun, penganalisisan data berdasarkan siri artikel “*The Harvard Business Review*” serta

artikel akademik berkait dengan pelbagai dimensi tentang tajuk ini. Penulis telah menerapkan teori dan praktikal dalam buku ini.

Teks ini berbentuk terjemahan selari, iaitu daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Menurut Baker (1995) dan Sinclair (1996), terjemahan selari merupakan terjemahan daripada teks yang asalnya ditulis dalam bahasa A bersama-sama terjemahannya dalam bahasa B (bahasa C ... dan bahasa n). Keselarian sesuatu teks digunakan untuk membuat perbandingan antara kedua-dua bahasa (Quah Chew Kin, 2002).

Analisis anafora tertumpu pada beberapa perenggan yang terdapat dalam buku ini. Setiap ayat dalam perenggan akan dikenal pasti berdasarkan pelabelan di bahagian hujung ayat iaitu A1, A2, A3 dan seterusnya, manakala setiap perenggan akan dilabelkan dengan P1, P2, P3 dan seterusnya bagi contoh dalam bahasa Melayu. Bagi contoh dalam bahasa Inggeris pula setiap ayat dalam perenggan akan dikenal pasti berdasarkan pelabelan di bahagian hujung ayat juga iaitu Aa1, Aa2, Aa3 dan seterusnya, manakala setiap perenggan akan dilabelkan dengan Pr1, Pr2, Pr3 dan seterusnya. Oleh ituuraian analisis akan dibuat dengan bantuan label-label tersebut.

Contoh-contoh ayat dengan perlabelan:

- A. **Syarikat ini¹** diwujudkan pada tahun 1984 oleh sekumpulan artis jalanan (A2). **Persembahannya** telah dipertontonkan di hadapan lebih daripada 40 juta penonton di 90 buah bandar raya di seluruh dunia (A3). [P1]
- B. **There was also increasing sentiment against the use of animals in circuses by animal rights groups** (Aa10). **Ringling Bros. and Barnum & Bailey set the standard, and competing smaller circuses essentially followed with scaled-down version** (Aa11). **From the perspective of competition-based strategy, then the circus industry appeared unattractive** (Aa12). [Pr2]

Contoh A di atas menunjuk ayat-ayat dalam bahasa Melayu yang diambil itu merupakan ayat ke-2 (A2) dan ke-3 (A3) dalam teks dan terletak dalam perenggan pertama [P1]. Oleh itu pelabelan untuk kedua-dua ayat ini boleh ditulis sebagai (A2, P1) dan (A3, P1). Manakala contoh B pula menunjukkan ayat-ayat dalam bahasa Inggeris yang diambil itu merupakan ayat ke-10 (Aa10), ayat ke-11 (Aa11) dan ayat ke-12 (Aa12) dalam teks dan terletak dalam perenggan ke-2 [Pr2]. Oleh itu pelabelannya ditulis sebagai (Aa10, Pr2), (Aa11, Pr2) dan (Aa12, Pr2)

HASIL KAJIAN

Perbincangan hasil kajian akan hanya tertumpu pada rujukan personal dan rujukan demonstratif yang terdapat dalam teks kajian. Makalah ini akan membincangkan sejumlah 4 perenggan yang selari untuk kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris. Unsur anafora dalam teks terjemahan bahasa Melayu akan dibincangkan terlebih dahulu sebelum disusuli oleh unsur anafora dalam teks asal bahasa Inggeris sebagai perbandingan. Misalnya:

- (1a) Guy Laliberte, seorang bekas pemain akordion, ahli jangkungan dan pemakan api, kini menjadi Ketua Pegawai Eksekutif di **Cirque du Soleil**, salah sebuah syarikat ekspor budaya yang terbesar di Kanada (A1). **Syarikat ini¹** diwujudkan pada tahun 1984 oleh sekumpulan artis jalanan (A2). **Persembahannya** telah dipertontonkan di hadapan lebih daripada 40 juta penonton di 90 buah bandar raya di seluruh dunia (A3). **Dalam masa kurang 20 tahun, Cirque du Soleil telah mencapai tahap pendapatan yang menyamai jumlah pendapatan yang diperoleh oleh Ringling Brothers and Barnum & Bailey, peneraju global dalam industri sarkas yang dicapai dalam tempoh lebih 100 tahun** (A4). [P1]
- (1b) **Apa yang menjadikan perkembangan pesat ini²** cukup menakjubkan ialah **ia** bukan dicapai dalam industri yang sedang berkembang tetapi dalam industri yang mengecut,

di mana analisa strategik tradisional telah menunjukkan potensi pertumbuhan yang sangat terhad (A5). Faktor kuasa penawaran artis bagi **pertunjukan sarkas** semakin meningkat (A6). Begitu juga dengan kuasa beli pengguna (A7). Bentuk hiburan alternatif yang wujud daripada pelbagai jenis hiburan di bandar ‘secara hidup’ kepada acara-acara sukan, hingga hiburan di rumah telah memburukkan lagi prospek industri **ini³** (A8). **Kanak-kanak lebih mementingkan “Play Station” berbanding dengan sarkas di padang (A9).** Akibatnya industri mengalami kemerosotan disebabkan oleh kekurangan penonton yang menyebabkan penurunan pendapatan dan keuntungan (A10). **Pada masa yang sama** wujud sentimen yang semakin meningkat untuk tidak menggemari penggunaan binatang dalam sarkas oleh kumpulan-kumpulan pencinta alam (A11). Ringling Brothers dan Barnum & Bailey telah mewujudkan standard dan sarkas-sarkas pesaing yang lebih kecil telah ikut sama dan mewujudkan versi sarkas mereka yang bersaiz kecil (A12). Dari perspektif strategi berasaskan persaingan, industri sarkas telah menjadi kurang menarik (A13). [P2]

Berdasarkan analisis, unsur rujukan yang ditemui dalam contoh petikan di atas ialah:

1. **Syarikat ini¹** – merujuk kepada **Cirque du Soleil**, salah sebuah syarikat eksport budaya
 - **ini¹** dalam ayat 2 (A2) merujuk kepada Cirque du Soleil, salah sebuah syarikat eksport budaya dalam ayat 1 (A1)
2. **Persembahannya** - merujuk kepada **Cirque du Soleil**
 - **nya** dalam ayat 3 (A3) merujuk kepada **Cirque du Soleil** dalam ayat 2 (A2)
3. **Apa yang menjadikan perkembangan pesat ini²** – rujuk kepada Dalam masa kurang 20 tahun, Cirque du Soleil telah mencapai tahap pendapatan yang menyamai jumlah pendapatan yang diperoleh oleh Ringling Brothers and Barnum & Bailey, peneraju global dalam industri sarkas yang dicapai dalam tempoh lebih 100 tahun.
 - **ini²** dalam ayat 5 (A5) merujuk kepada keseluruhan ayat 4 (A4).
4. **Ia** – merujuk kepada perkembangan pesat ini
Ia dalam ayat 5 (A5) merujuk kepada perkembangan pesat ini dalam ayat yang sama.
5. prospek industri **ini³** – merujuk kepada **pertunjukan sarkas**
 - **ini³** dalam ayat 8 (A8) merujuk kepada **pertunjukan sarkas** dalam ayat 6 (A6)
6. **Pada masa yang sama** – merujuk kepada **Kanak-kanak lebih mementingkan “Play Station” berbanding dengan sarkas di padang. Akibatnya industri mengalami kemerosotan disebabkan oleh kekurangan penonton yang menyebabkan penurunan pendapatan dan keuntungan.**
 - **Pada masa yang sama** dalam ayat 11 (A11) merujuk kepada **Kanak-kanak lebih mementingkan “Play Station” berbanding dengan sarkas di padang. Akibatnya industri mengalami kemerosotan disebabkan oleh kekurangan penonton yang menyebabkan penurunan pendapatan dan keuntungan.** dalam ayat 8 (A8), iaitu keseluruhan ayat 8 (A8) tersebut.

Rujukan anafora yang dapat ditemui dalam teks kajian di atas ialah kata **ini¹** dalam frasa **Syarikat ini¹**, iaitu dalam (A2, P1) yang merujuk kepada **Cirque du Soleil, salah sebuah syarikat eksport budaya terbesar di Kanada (A1, P1)**. Kata **-nya** dalam perkataan **Persembahannya (A3, P1)** juga merujuk kepada **Cirque du Soleil, salah sebuah syarikat eksport budaya terbesar di Kanada (A1, P1)**. Manakala **ini²** dalam ayat **Apa yang menjadikan perkembangan pesat ini² (A5, P2)** merujuk kepada ayat **Dalam masa kurang 20 tahun, Cirque du Soleil telah mencapai tahap pendapatan yang menyamai jumlah pendapatan yang diperoleh oleh Ringling Brothers and Barnum & Bailey, peneraju global dalam industri sarkas yang dicapai dalam tempoh lebih 100 tahun (A4, P2)**.

Aspek rujukan anafora seterusnya yang ada dalam contoh B1 di atas ialah *ia* dalam ayat **Apa yang menjadikan perkembangan pesat ini² cukup menakjubkan ialah ia bukan dicapai dalam industri yang sedang berkembang... (A5, P2)** yang menggantikan frasa **perkembangan pesat ini** dalam ayat yang sama. **Ini³** dalam ayat A8 merujuk kepada frasa **pertunjukan sarkas** dalam ayat A6, P2 dan seterusnya **Pada masa yang sama** dalam ayat A11 merujuk kepada **Kanak-kanak lebih mementingkan “Play Station” berbanding dengan sarkas di padang.** Akibatnya industri mengalami kemerosotan disebabkan oleh **kekurangan penonton yang menyebabkan penurunan pendapatan dan keuntungan iaitu keseluruhan** ayat A9 – A10, P2.

Yang berikut dipaparkan pula petikan asal terjemahan perenggan (1a) dan (1b) di atas sebagai perbandingan kajian.

- (2a) *A one time accordion player, stilt-walker, and fire-eaten, Guy Laliberte is now CEO of Cirque du Soleil, one of Canada’s largest cultural exports(Aa1). Created in 1984 by a group of street performers, Cirque’s productions have been seen by almost forty million people in ninety cities around the world (Aa2). In less than twenty years Cirque du Soleil has achieved a level of revenues that took Ringling Bros. and Barnum & Bailey – the global champion of the circus industry more than one hundred years to attain(Aa3). [Pr1]*
- (2b) *What makes this rapid growth all the more remarkable is that it was achieved in an attractive industry but rather in a declining industry in which traditional strategic pointed to limited potential for growth (Aa4). Supplier power on the part of stars performers was strong (Aa5). So was buyer power (Aa6). Alternative forms of entertainment – ranging from various kind of urban live entertainment to sporting events to home entertainment – cast an increasingly long shadow (Aa7). Children cried out for PlayStations rather than a visit to the travelling circus (Aa8). Partially as a result, the industry was suffering from steadily decreasing audiences and, in turn, declining revenue and profits (Aa9). There was also increasing sentiment against the use of animals in circuses by animal rights groups (Aa10). Ringling Bros. and Barnum & Bailey set the standard, and competing smaller circuses essentially followed with scaled-down version (Aa11). From the perspective of competition-based strategy, then the circus industry appeared unattractive (Aa12). [Pr2]*

Berdasarkan analisis, senarai anafora yang wujud dalam contoh (2a) dan (2b) ialah:

1. *this rapid growth* – merujuk kepada **In less than twenty years Cirque du Soleil has achieved a level of revenues that took Ringling Bros. and Barnum & Bailey – the global champion of the circus industry– more than one hundred years to attain.**
 - Oleh itu, *this* dalam ayat 4 (Aa4) di atas merujuk kepada keseluruhan ayat 3 (Aa3)
2. *It* – merujuk kepada *this rapid growth*
 - Hal ini menunjukkan *it* dalam ayat 4 (Aa9) pula merujuk kepada *this rapid growth* dalam ayat yang sama
3. *the industry* – merujuk kepada **the travelling circus**
 - Oleh itu, *the* dalam ayat 9 (Aa9) di atas merujuk kepada **the travelling circus** dalam ayat 8 (Aa8)
4. *there* – merujuk kepada **Children cried out for PlayStations rather than a visit to the travelling circus. Partially as a result, the industry was suffering from steadily decreasing audiences and, in turn, declining revenue and profits.**
 - Oleh itu *there* dalam ayat 10 (Aa10) di atas merujuk kepada **Children cried out for PlayStations rather than a visit to the travelling circus. Partially as a result, the industry was suffering from steadily decreasing audiences and, in turn, declining revenue and profits.** Dalam ayat 8 (Aa8) dan ayat 9 (Aa9).

5. **then** – merujuk kepada ***Ringling Bros. and Barnum & Bailey set the standard, and competing smaller circuses essentially followed with scaled-down versions.***
 - Oleh itu **then** dalam ayat 12 (Aa12) merujuk kepada ***Ringling Bros. and Barnum & Bailey set the standard, and competing smaller circuses essentially followed with scaled-down versions.*** Dalam ayat 11 (Aa11).

Berdasarkan contoh di atas dapat dilihat kehadiran *this*, *it*, *the*, *then* dan *there* sebagai rujukan anafora. Kesemua rujukan tersebut dikategorikan sebagai rujukan demostratif yang berfungsi untuk menjelaskan lagi maklumat yang pernah diceritakan sebelumnya tanpa perlu mengulang ayat atau frasa yang dirujuk atau anteseden.

Contoh di atas menunjukkan terdapatnya rujukan anafora ***this***, iaitu dalam frasa ***this rapid growth*** dalam Pr2 yang merujuk kepada ayat (Aa3, Pr1), iaitu ***In less than twenty years Cirque du Soleil has achieved a level of revenues that took Ringling Bros. and Barnum & Bailey – the global champion of the circus industry– more than one hundred years to attain.*** Oleh itu, ***this*** dalam ayat (Aa4, Pr2) dalam contoh 2b merujuk kepada keseluruhan ayat Aa3, Pr1. Rujukan demostratif ***this*** merupakan kata penentu yang berfungsi untuk menghubungkan frasa ***this rapid growth*** dengan maksud yang terkandung dalam ayat (Aa3, Pr1). ***It*** merujuk kepada ***this rapid growth***. Hal ini menunjukkan ***it*** dalam ayat (Aa4, Pr2) pula merujuk kepada ***this rapid growth*** ayat yang sama dalam Pr2 itu. Manakala rujukan ganti diri ***it*** pula ialah kata ganti nama diri ketiga. Dalam contoh 2b ***it*** itu dikaitkan maksud penggunaannya dengan frasa ***this rapid growth***. Tujuannya agar frasa tersebut tidak diulang penggunaannya dalam ayat yang sama. Kata penentu ***the*** dalam ayat (Aa9, Pr2) merujuk kepada frasa ***the travelling circus*** (Aa8, Pr2). ***There*** dalam ayat A10 pula merujuk kepada keseluruhan ayat (Aa8 – Aa9, Pr2). Hal ini menunjukkan dengan satu perkataan rujukan anafora ***there*** dapat menggantikan maksud keseluruhan yang ada dalam kedua-dua ayat tersebut yang menjadikan sesuatu penulisan itu lebih menarik lagi. Seterusnya ***then*** dalam Aa12 merujuk kepada keseluruhan ayat Aa11.

Secara keseluruhannya, contoh di atas memperlihatkan beberapa aspek rujukan yang digunakan bagi merujuk kepada anteseden-anteseden tertentu. Aspek-aspek rujukan yang digunakan ialah *ini*, *nya* dan *pada masa yang sama*. Dapat diperhatikan bahawa teks bahasa Melayu menggunakan dua aspek rujukan, iaitu *ini* dan *nya*, sedangkan tiada aspek rujukan yang digunakan dalam teks bahasa Inggeris. Kedua-dua rujukan *ini* dan *nya*, merujuk kepada anteseden yang sama, iaitu ***Cirque du Soleil***. Hal ini menunjukkan bahawa ada perbezaan penggunaan aspek rujukan antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Begitu juga dengan penggunaan ***there*** dalam bahasa Inggeris yang telah digantikan dengan *pada masa yang sama* dalam bahasa Melayu yang dikategorikan oleh Asmah (2009) sebagai kata ganti adverba.

Dalam contoh tersebut, unsur *ini* merupakan kata ganti nama tunjuk, seperti yang dijelaskan oleh Asmah (2005, hlm. 119), *ini* dan *itu* digunakan sebagai penunjuk dalam semua peristiwa bahasa dan semua jenis teks. Manakala *nya* dan *ia* ialah kata ganti nama diri ketiga. Kalau dilihat konteks penggunaannya dalam contoh-contoh di atas didapati bahawa dalam bahasa Inggeris penulis menggunakan *this* dan *it* sebagai unsur rujukan, manakala apabila teks itu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, *this* telah digantikan dengan *ini* dan *it* pula digantikan dengan *ia*. Asmah (2005, hlm. 116), ada mengatakan bahawa dalam bahasa Melayu kini *ia* hanya terdapat dalam bahasa kesasteraan, tetapi dalam karangan-karangan saintifik, penggunaan *ia* telah dihidupkan semula; bahkan sekarang *ia* agak “ghairah” digunakan. Hal ini mungkin kerana pengaruh daripada bahasa Inggeris dalam kalangan ahli sains dan ahli akademik kita. Menurut Asmah lagi, bahasa Melayu tidak mempunyai kata yang boleh disepadankan dengan *it*, sedangkan dalam bahasa Inggeris *it* ialah sebagai ganti nama neutral yang boleh menggantikan apa saja dalam bentuk mufrad kecuali manusia. Berdasarkan contoh di atas, jelas menunjukkan *ia* merupakan terjemahan daripada *it*. Manakala *nya* merupakan kata ganti nama yang merujuk kepada ayat yang menceritakan

tentang **Cirque du Soleil**, salah sebuah syarikat eksport budaya (A1, P1). Berdasarkan Asmah (2005, hlm. 117), rujukan nya tidak terhad kepada jumlah mufrad tetapi juga jumlah jamak. Sedangkan dalam bahasa Inggeris tiada unsur rujukan yang digunakan kerana penulis menggunakan klausa “...*Cirque's productions have been seen by almost forty million people in ninety cities around the world.*” Penulis telah mengulang unsur *Cirque*. Seterusnya perhatikan pula perenggan yang berikut:

- (3a) **Cirque du Soleil** berjaya kerana **mereka** menyedari bahawa untuk berjaya pada masa akan datang, syarikat mesti berhenti bersaing antara satu sama lain (A18). Satu-satunya cara untuk mengalahkan persaingan adalah dengan berhenti daripada cuba mengalahkan pesaing (A19). [P4]
- (3b) Untuk memahami pencapaian Cirque du Soleil, bayangkan ruang pasaran yang terdiri daripada dua buah laut, satu laut merah dan satu lagi laut biru (A20). **Laut merah menggambarkan semua industri yang wujud masa kini** (A21). **Ini⁴** dipanggil ruang pasaran yang dikenali (A22). **Laut biru menggambarkan industri yang belum wujud hari ini** (A23). **Ini⁵** adalah ruang pasaran yang belum diketahui (A24). [P5]

Berdasarkan analisis terhadap contoh (3a) dan (3b) di atas, anafora yang terdapat dalam teks ialah:

1. **Mereka** – merujuk kepada **Cirque du Soleil**
 - Oleh itu **mereka** dalam ayat 18 (A18) merujuk kepada **Cirque du Soleil** dalam ayat yang sama.
2. **Ini⁴** - merujuk kepada **Laut merah menggambarkan semua industri yang wujud masa kini**
 - Oleh itu **Ini⁴** dalam ayat 22 (A22), merujuk kepada **Laut merah menggambarkan semua industri yang wujud masa kini** dalam ayat 21 (A21).
3. **Ini⁵** – merujuk kepada **Laut biru menggambarkan industri yang belum wujud hari ini**
 - Oleh itu **Ini⁵** dalam ayat 24 (A24) di atas, merujuk kepada **Laut biru menggambarkan industri yang belum wujud hari ini** dalam ayat 23 (A23).

Anafora **mereka** dalam ayat (A18, P4) merujuk kepada **Cirque du Soleil** dalam ayat yang sama. Hal ini adalah bertujuan untuk mengelakkan pengulangan menulis frasa yang sama dalam ayat yang sama itu. **Ini⁴** dalam ayat (A22, P5) pula merujuk kepada **Laut merah menggambarkan semua industri yang wujud masa kini** dalam ayat (A2, P5). **Ini⁵** dalam ayat (A24, P5), merujuk kepada **Laut biru menggambarkan industri yang belum wujud hari ini** dalam ayat (A23, P5). **Ini⁴** dan **Ini⁵** bertindak sebagai kata tunjuk untuk merujuk kepada ayat sebelumnya. Bandingkan penemuan anafora dalam teks terjemahan bahasa Melayu di atas dengan teks asal bahasa Inggeris yang berikut:

- (4a) *Cirque du Soleil succeeded because it realized that to win in the future, companies must stop competing with each other* (Aa13). *The only way to beat the competition is to stop trying to beat the competition* (Aa14). [Pr4]
- (4b) *To understand what Cirque du Soleil has achieved, imagine a market universe composed of two sorts of oceans: red oceans and blue oceans* (Aa15). **Red oceans represent all the industries in existence today** (Aa16). **This²** is the known market space (Aa17). **Blue oceans denote all the industries not in existence today** (Aa18). **This³** is the unknown market space (Aa19). [Pr5]

Unsur anafora bahasa Inggeris yang ditemui dalam contoh (4a) dan (4b) ialah:

1. **It** – merujuk kepada ***Cirque du Soleil***
 - Oleh itu **it** dalam ayat 13 (Aa13) merujuk kepada ***Cirque du Soleil*** dalam ayat yang sama.
2. **The competition** – merujuk kepada ***companies must stop competing with each other***.
 - Oleh itu **the** dalam ayat 14 (Aa14) merujuk kepada ***companies must stop competing with each other*** dalam ayat 13 (Aa13).
3. **This²** – merujuk kepada ***Red oceans represent all the industries in existence today***.
 - Oleh itu **this²** dalam ayat 17 (Aa17) merujuk kepada ***Red oceans represent all the industries in existence today*** dalam ayat 16 (Aa16).
4. **This³** – merujuk kepada ***Blue oceans denote all the industries not in existence today***.
 - Oleh itu **this³** dalam ayat 19 (Aa19) merujuk kepada ***Blue oceans denote all the industries not in existence today*** dalam ayat 18 (Aa18).

Unsur ***it*** dalam ayat (Aa13, Pr4) merujuk kepada ***Cirque du Soleil*** dalam ayat yang sama. ***The*** dalam ayat (Aa14, Pr4) pula merujuk kepada ***companies must stop competing with each other*** dalam ayat (Aa13, Pr4). Anafora ***This²*** dalam ayat A17 menjadi kata penentu yang merujuk kepada ***Red oceans represent all the industries in existence today*** dalam ayat A16, P5. Begitu juga ***This³*** dalam ayat Aa19 merupakan kata penentu untuk merujuk kepada ***Blue oceans denote all the industries not in existence today*** dalam ayat (Aa18, Pr5).

Perbandingan antara contoh perenggan bahasa Melayu dan Inggeris menunjukkan contoh (4a) dan (4b) menggunakan rujukan demonstratif ***it***, ***the*** dan ***this***, sedangkan aspek rujukan anafora yang digunakan dalam (3a) dan (3b) hanyalah ***ini***. Dapat dilihat bahawa secara kontrastifnya aspek rujukan yang digunakan dalam contoh kedua-dua bahasa agak berbeza. Perenggan pertama dalam (3a) dan (3b) menggunakan rujukan demonstratif ***it*** dan ***the***, tetapi aspek rujukan yang boleh dikatakan padanan kepada rujukan ***the*** tidak digunakan dalam perenggan pertama (4a) dan (4b). Cuma ***it*** sahaja yang telah diberi padanan ***mereka***. Terdapat sedikit perbezaan dari segi penggunaan rujukannya tapi masih lagi mengekalkan maksud yang sama. Seperti yang dikatakan dalam Asmah (2005:116) bahawa bahasa Melayu tidak mempunyai kata yang boleh disepadankan dengan ***it***, sedangkan dalam bahasa Inggeris ***it*** ialah sebagai ganti nama neutral yang boleh menggantikan apa saja dalam bentuk mufrad kecuali manusia. Walaupun penggunaan aspek rujukan dalam kedua-dua contoh tidak sama, tetapi kedua-dua contoh tersebut masih lagi dapat mengekalkan makna yang sama tanpa sebarang pengurang atau penambahan maklumat.

KESIMPULAN

Secara umumnya kebanyakkan kajian yang ada kini kurang memberi penumpuan khusus kepada unsur anafora dan perbandingannya di antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris tetapi lebih kepada kajian berkenaan kohesi secara umum iaitu melihat kepada unsur-unsur kohesi yang wujud dalam sesuatu teks. Persoalan berkaitan masalah penggunaan anafora yang akan mewujudkan pertautan dalam sesuatu wacana penulisan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris kurang dibincangkan dalam kajian-kajian yang lepas khususnya berdasarkan wacana penulisan ilmiah. Oleh itu kajian ini telah menjelaskan lagi tentang penggunaan anafora khususnya rujukan personal dan rujukan demonstratif dalam penulisan ilmiah yang secara tidak langsung dapat menunjukkan kepentingan hubung kait sesuatu maklumat dalam penulisan ilmiah ini dengan menggunakan unsur-unsur rujukan tersebut. Aspek rujukan anafora dalam makalah ini diteliti berdasarkan pendekatan analisis kontrastif kerana seperti yang pernah dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (2009), genre akademik dalam bahasa Melayu merupakan pemindahan genre akademik daripada bahasa Inggeris, oleh itu analisis antara teks bahasa Inggeris dan bahasa Melayu telah dibuat untuk melihat persamaan dan

perbezaan aspek rujukan yang digunakan dalam kedua-dua bahasa tersebut. Hal ini kerana proses untuk memahami sesuatu teks itu ialah kebolehan seseorang pembaca untuk menghubungkaitkan antara maklumat semasa dengan maklumat yang telah dinyatakan sebelumnya supaya sesuatu maklumat yang disampaikan dalam sesebuah teks atau penulisan ilmiah itu dapat difahami sepenuhnya dengan baik.

Berdasarkan analisis yang dibuat terhadap unsur anafora dalam teks terjemahan, didapati dari aspek strukturalnya, unsur rujukan anafora dalam teks ilmiah tidak semestinya selari antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Hal ini kerana setiap bahasa mempunyai sistemnya yang tersendiri. Setiap bahasa mempunyai sistem polanya yang berbeza antara satu bahasa dengan bahasa yang lain. Namun begitu penggunaan rujukan anafora ini penting dalam menghasilkan sesuatu penulisan yang baik bagi memperlihatkan pautan dan keteraturan fikiran di dalamnya. Persamaan dan perbezaan yang dilihat berdasarkan pendekatan analisis kontrastif dalam kajian ini dapat menjelaskan bahawa bentuk anafora dalam kedua-dua teks bahasa Inggeris dan bahasa Melayu tidak selalunya serupa untuk mendapat makna yang tepat dan sama. Umpamanya penggunaan anafora ‘ini’ yang boleh digantikan dengan anafora *it*, *this* atau *the* dalam bahasa Inggeris. Terdapat juga kata *it* yang diberi padanan **mereka**. Keadaan ini disebabkan oleh sesuatu bahasa itu bersifat bervariasi contohnya dari segi struktur sintaksis sesuatu bahasa yang terbina berdasarkan kebiasaan dalam bahasa itu sendiri dengan ciri-cirinya yang khas dan unik. Oleh itu penggunaan unsur-unsur rujukan anafora itu mestilah disesuaikan mengikut kehendak dan kesesuaian bahasa sesuatu teks itu sama ada dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Radiah dan Noraini (2002), juga menyatakan bahawa penggunaan anafora sebagai satu daripada kesan istimewa dan alat kohesi dalam sesuatu penulisan telah memvariasikan gaya dan mengurangkan jumlah perkataan yang perlu digunakan, di samping memperlihatkan pertautan antara bahagian-bahagian yang berbeza dalam sesuatu teks. Hal ini menunjukkan kepentingan anafora dalam penulisan.

RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar. (2005). *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia
- Asmah Hj. Omar. (2009). *Panduan Wacana Akademik, Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basil Hatim & Ian Mason. (1990). *Discourse and the Translators*. London & New York: Longman.
- Baker, M. (1992). *In Other Words – A Course Book on Translation*. London & New York: Routledge
- Carter, R.dll. (2001). *Working with Texts: A Core Book for Language Analysis*. London dan New York: Routledge.
- Elizabeth J. Pretorius. (2005). English as a Second Language Learner Differences in Anaphoric Resolution: Reading to Learn in the Academic Context. *Applied Psycholinguistics Jurnal*. 26(4), 521-539
- Fisiak, J. (ed.) (1981). *Contrastive Analysis and the Language Teacher*. Oxford: The Pergamon Institute of English
- Halliday, M.A.K., & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman Group Limited.
- Halliday, M.A.K. (2004). Revised by Christian M.I.M Matthiessen. *An Introduction to Functional Grammar*. London : Arnold
- James, C. (1980). *Contrastive Linguistics*. Singapore: Longman.

- Johansson, S. & Knut H. (1994). Towards an English-Norwegian Parallel Corpus. In U.Fries, G.Tottie, and P.Schneider (Pnyt.). *Creating and Using English Language Corpora* (hlm. 25-37). Amsterdam and Atlanta, GA:Rodopi
- Kamarudin Hj. Husin. (1995). *Laras Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khazriyati Salehuddin, Tan Kim Hua & Marlyna Maros. (2006). Definiteness and Indefiniteness: A Contrastive Analysis of the Use Of Determiners between the Malay Language And English. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 6(1), 21-30.
- Lado, Robert. (1957). *Linguistics across Cultures, Applied Linguistics Language Teachers*. Ann Arbor, MI: University of Michigan Press
- McCarthy, Michael. (1991). *Discourse Analysis for the Language Teachers*. New York: Cambridge University Press.
- Mohamad Shahidan. (2005). *Menulis Sebagai Keterampilan Berbahasa dan Berfikir*. Pelita Bahasa. 7, 15-17.
- QuahChiew Kin. (1998). *Translating English Affixes into Malay*. Bangi: Fakulti Pengajian Bahasa UKM.
- Radiyah Yusoff & Nor Aini Ismail. (2000). *Anafora dan Katafora*. *Dewan Bahasa*. 3(44), 403-412.
- Radiyah Yusoff & Nor Aini Ismail. (2002). Kohesi dalam Wacana Bertulis. *Dewan Bahasa* Februari: 26-31.

PENULIS

Midiyana Mohamad ialah Pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Bidang kajian yang ditekuni ialah analisis kontrastif dan terjemahan. Kini, sedang melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah dalam Program Linguistik, di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohammad Fadzeli Jaafar ialah Pensyarah linguistik di Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Stilistik, selain meminati dan menulis makalah dalam beberapa subbidang linguistik yang lain, seperti Pragmatik dan Tatabahasa Fungsian